

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK
MELALUI MATA PELAJARAN KOKURIKULUM
DALAM KALANGAN PELAJAR TERPILIH
DI KOLEJ MATRIKULASI MALAYSIA

AZMAN BIN MOHAMED NOR @ ZAHARI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK MELALUI MATA
PELAJARAN KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR
TERPILIH DI KOLEJ MATRIKULASI MALAYSIA**

No. Matrik / Matric No.: **M20142002275**

Saya : **AZMAN BIN MOHAMED NOR@ZAHARI**

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10/10/2019

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran generik melalui mata pelajaran kokurikulum dalam kalangan pelajar terpilih di kolej matrikulasi Malaysia. Objektif kajian adalah untuk melihat tahap persetujuan penilaian kemahiran generik antara pensyarah dan pelajar, mengklasifikasi elemen penguasaan kemahiran generik berdasarkan hierarki instrumen kemahiran generik pelajar, dan akhir sekali mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran generik berdasarkan aliran dan jantina pelajar. Kajian dilaksanakan ke atas empat buah kolej matrikulasi di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Melalui kajian ini kaedah kuantitatif soal selidik digunakan. Saiz sampel kajian terdiri daripada ($n=54$) orang pensyarah kokurikulum dan ($n=350$) orang pelajar yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan berstrata dan rawak bertujuan. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan tahap penguasaan kemahiran generik pelajar kolej matrikulasi boleh diklasifikasikan tinggi pada elemen kerja berpasukan dan paling rendah pada elemen komunikasi. Tahap penguasaan pelajar terhadap elemen kemahiran kerja berpasukan adalah paling tinggi ($M = 4.16$, $SD = 0.572$) berbanding sembilan elemen lain. Ini turut dipersetujui oleh para pensyarah yang terlibat dalam kajian ini. Manakala, elemen komunikasi menunjukkan tahap penguasaan kemahiran pelajar berada paling bawah ($M = 3.92$, $SD = 0.531$). Melalui elemen komunikasi, dapat diperlihatkan bahawa aspek penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua pelajar dalam menulis dan bertutur adalah paling rendah ($M = 3.78$, $SD = 0.820$). Berdasarkan dapatan, kaedah penilaian ini sesuai digunakan sebagai alat ukur untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran generik pelajar dalam mata pelajaran kokurikulum di kolej-kolej matrikulasi.

THE MASTERY LEVEL OF GENERIC SKILLS THROUGH THE CO-CURRICULUM SUBJECT AMONG SELECTED MALAYSIAN MATRICULATION STUDENTS

ABSTRACT

This research is carried out to identify the mastery level of generic skills through the co-curriculum subject among selected Malaysian Matriculation students. The objective of this research are to identify the agreement between the lecturer and students with the assessment of the generic skills, clarify the mastery level of generic skills according to the hierarchy of the students generic skills instruments, and to identify the mastery of skills according to streaming and students gender. This research is done on four North Zone Matriculation Colleges in Peninsular Malaysia. This research uses the quantitative method of research. The sample size is ($n=54$) co-curriculum lecturers and ($n=350$) students were selected according to the sampling method and the simple random sampling. Research results show that the mastery level of the generic skills was highest in the teamwork element and lowest in the communication element. The students' level of mastery for the teamwork element was the highest ($M=4.16$, $SD=0.572$) than the other nine elements. This was agreed upon other lecturers who were involved in this research. However, the communication element showed the lowest of students' mastery level ($M=3.92$, $SD=0.531$). Through the aspect of English as a second language, the communication element could be seen that as the lowest ($M=3.78$, $SD=0.820$). According to the findings, the assessment method to measure the mastery level of the generic skills of matriculation college students is suitable as the measurement tool.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Pernyataan masalah	8
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Persoalan kajian	11
1.6 Kerangka konseptual kajian	12
1.7 Kepentingan kajian	16
1.8 Batasan kajian	18
1.9 Definisi operasional	20
1.10 Rumusan	24



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Definisi dan konsep kemahiran generik	26
2.3 Teori-teori yang berkaitan dengan kemahiran generik	32
2.4 Kerangka teori kajian	42
2.5 Elemen kemahiran generik	43
2.6 Kepentingan kemahiran generik	47
2.7 Senario kemahiran generik dalam Program Matrikulasi KPM	49
2.8 Kokurikulum di Kolej Matrikulasi	53
2.9 Kajian lepas berkaitan kemahiran generik	54
2.10 Rumusan	62

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	64
3.2 Reka bentuk kajian	65
3.3 Proses kajian	67
3.4 Lokasi kajian	72
3.5 Populasi dan sampel kajian	74
3.6 Instrumen kajian	78
3.7 Kebolehpercayaan instrumen kajian	80
3.8 Kajian rintis	81
3.9 Prosedur pengumpulan data	83
3.10 Data deskriptif	84
3.11 Statistik inferensi	85
3.12 Korelasi Pearson Product-Moment	85
3.13 Rumusan	86

BAB 4 ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

4.1 Pendahuluan	87
4.2 Analisis data dan penemuan kajian	88





4.3 Analisis kenormalan (Normality Analysis)	88
4.4 Kesahan elemen kemahiran generik	89
4.5 Analisis deskriptif profil responden	93
4.6 Persoalan 1 Apakah tahap persetujuan penilaian kemahiran generik antara pensyarah dan pelajar?	94
4.7 Persoalan 2 Analisis tahap penguasaan kemahiran generik dalam mata pelajaran kokurikulum.	106
4.8 Persoalan 3 Apakah tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar matrikulasi setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum?	117
4.9 Persoalan 4 Analisis hubungan antara komponen kemahiran generik berdasarkan aliran pengajian.	119
4.10 Analisis Ujian- <i>t</i> Hubungan kemahiran generik dengan aliran pengajian pelajar.	122
4.11 Analisis Ujian- <i>t</i> Hubungan antara komponen kemahiran generik berdasarkan jantina.	129
4.12 Perbincangan penemuan kaji selidik	136
4.13 Kesimpulan	139
 BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	141
5.2 Perbincangan dapatan kajian	142
5.3 Sumbangan kajian	148
5.4 Kesimpulan	151
5.5 Cadangan	153
 RUJUKAN	155
 LAMPIRAN	164



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Pembolehubah kajian	14
3.1 Matrik penilaian persoalan kajian dan analisis statistik	67
3.2 Lokasi Kolej Matrikulasi Zon Utara	70
3.3 Bilangan pensyarah kokurikulum di Kolej Matrikulasi Zon Utara.	73
3.4 Saiz sampel pelajar yang diperlukan mengikut Kolej Matrikulasi Zon Utara.	78
3.5 Nilai kebolehpercayaan melalui kajian rintis	78
4.1 Nilai KMO	86
4.2 Keputusan KMO dan Bartlett's Test	86
4.3 Keputusan <i>total variance explained</i>	88
4.4 Hasil <i>rotated component Matrix</i>	88
4.5 Analisis profil responden berdasarkan jantina, kolej dan modul pengajian	89
4.6 Peratus persetujuan pensyarah terhadap elemen kemahiran generik	90
4.7 Peratus persetujuan pelajar terhadap elemen kemahiran generik	96
4.8 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran komunikasi	103
4.9 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran kepemimpinan	104
4.10 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan	104



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



xi ptbupsi

4.11 Analisis deskriptif kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat	105
4.12 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.	106
4.13 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran keusahawanan	107
4.14 Analisis deskriptif tahap penguasaan kemahiran pengurusan	108
4.15 Analisis deskriptif tahap penguasaan elemen etika, moral dan profesional	108
4.16 Analisis deskriptif tahap penguasaan elemen sosial	109
4.17 Analisis tahap penguasaan kemahiran generik keseluruhan	110
4.18 Analisis frekuensi markah penilaian berterusan (PB) pelajar	110
4.19 Analisis kolerasi penilaian berterusan dan elemen kemahiran generik	111
4.20 Analisis kolerasi elemen kemahiran generik dengan aliran pengajian	113
4.21 Analisis kolerasi hubungan elemen kemahiran generik dengan jantina.	114
4.22 Analisis hubungan kemahiran komunikasi dengan aliran pengajian	114
4.23 Analisis hubungan kemahiran kepemimpinan dengan aliran pengajian	115
4.24 Analisis hubungan kemahiran kerja berpasukan dengan aliran pengajian	115
4.25 Analisis hubungan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat dengan aliran pengajian	116
4.26 Analisis hubungan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dengan aliran pengajian	117
4.27 Analisis hubungan keusahawanan dengan aliran pengajian	118
4.28 Analisis hubungan pengurusan dengan aliran pengajian	118
4.29 Analisis hubungan etika, moral dan profesional dengan aliran	118



05-4506833



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



xii ptbupsi

pengajian

4.30 Analisis hubungan sosial dengan aliran pengajian	119
4.31 Analisis hubungan kemahiran komunikasi dengan jantina	119
4.32 Analisis hubungan kemahiran kepemimpinan dengan jantina	120
4.33 Analisis hubungan kemahiran kerja berpasukan dengan jantina	120
4.35 Analisis hubungan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah dengan aliran pengajian	121
4.36 Analisis hubungan keusahawanan dengan aliran pengajian	122
4.37 Analisis hubungan pengurusan dengan jantina	122
4.38 Analisis hubungan etika, moral dan profesional dengan jantina	123
4.39 Analisis hubungan sosial dengan aliran pengajian	123



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Senarai Rajah

1.1 Kerangka konseptual kajian	13
2.1 Kerangka teori kajian	40
3.1 Proses kajian	63
3.2 Menentukan sampel saiz kajian	72

Muka Surat

SENARAI SINGKATAN

KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM 2013 - 2025	- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
P&P	- Pengajaran dan Pembelajaran
IPT	- Institusi Pengajian Tinggi
UPEN	- Unit Perancangan Ekonomi Negara
FPK	- Falsafah Pendidikan Kebangsaan
RMK9	- Rancangan Malaysia Ke-9
RMK10	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah - Rancang Malaysia Ke-10
RMK11	- Rancangan Malaysia Ke-11
BMKPM	- Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia
PSPM II	- Peperiksaan Program Matrikulasi Semester II
PSMB	- Pembangunan Sumber Manusia Berhad
KPT	- Kementerian Pengajian Tinggi
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
PST	- Progam Satu Tahun
PDT	- Program Dua Tahun
PB	- Penilaian Berterusan

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - KPM (EPRD)
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian BMKPM
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Kolej-Kolej Matrikulasi Zon Utara.
- D Soalan Soal Selidik Kemahiran Generik (Pensyarah)
- E Soalan Soal Selidik Kemahiran Generik (Pelajar)
- F Rancangan Pengajaran Semester Kokurikulum Program Matrikulasi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemahiran generik dikenalpasti sebagai satu elemen utama bagi pembangunan diri, sahsiah serta kehidupan pelajar. Golongan pelajar yang memiliki kemahiran generik yang tinggi dilihat sebagai salah satu tunjang menyumbang kepada pertumbuhan sosio ekonomi dan dalam pembangunan sesebuah negara pada masa hadapan.

Nilai kemahiran generik yang tinggi dalam diri seseorang pelajar mampu menghasilkan modal insan yang cemerlang berdasarkan ilmu pengetahuan, sikap daya

saing tinggi serta meningkatkan produktiviti (Mohd Hasril, Noorazman & Norasmah, 2015). Dengan itu, dalam usaha bidang pendidikan untuk melahirkan para pelajar atau graduan yang mempunyai kemahiran tinggi serta mampu berdaya saing, elemen kemahiran generik perlu turut menjadi aspek penting dalam sesuatu penilaian yang dilakukan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), mengutarakan kepada usaha untuk mengembangkan lagi kemampuan setiap individu dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Ia bermatlamat bagi melahirkan seorang insan yang seimbang dari pelbagai aspek seperti rohani, intelek, emosi dan jasmani yang didasarkan oleh kepercayaan dan patuh kepada tuhan. Dengan itu aspek pembangunan modal insan serta penilaian kemahiran generik dalam kalangan pelajar turut menjadi fokus agenda Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pihak KPM telah menggariskan enam ciri-ciri utama elemen kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar untuk mampu bersaing di peringkat global. Antara ciri-ciri tersebut adalah kemahiran memimpin, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan, etika dan kerohanian dan identiti nasional (PPPM, 2013).

Berikutnya itu, pihak KPM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan program kokurikulum di mana salah satunya dengan mewajibkan pelajar sekolah melibatkan diri dalam satu sukan, satu badan unit beruniform dan satu kelab di sekolah. Ini bertujuan untuk mendorong serta membina bakat, minat dan membentuk kemahiran kepimpinan

dalam kalangan pelajar. Di samping itu guru sebagai pendidik secara langsung kepada para pelajar juga harus menumpukan kepada penerapan kemahiran generik secara menyeluruh terhadap pelajar di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P). Guru pula haruslah meyediakan perancangan sistematik dan penuh penelitian untuk melaksanakan kaedah yang sesuai supaya dapat memberikan dorongan serta dapat mempertingkatkan pencapaian kemahiran seseorang pelajar (Azizi, 2010).

Bahagian Matrikulasi (2013), menegaskan bahawa kemahiran generik sebagai suatu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar lebih-lebih lagi apabila berada di peringkat yang lebih tinggi misalnya di peringkat universiti dan seterusnya memasuki alam pekerjaan setelah tamat belajar nanti. Ini merujuk kepada senario semasa di mana kemahiran generik juga merupakan salah satu faktor utama kepada majikan dalam memilih pekerja yang benar-benar berkualiti mengisi sesuatu jawatan selain daripada nilai pencapaian akademik. Tahap kemahiran generik yang rendah menyebabkan wujud perasaan kurang yakin bakal majikan terhadap para graduan terutamanya pada aspek keperibadian, keyakinan diri, kurang kemahiran berkomunikasi, penampilan, kemampuan membuat keputusan yang terbatas dan tidak mampu bekerja dalam kumpulan (Hasliza, 2002). Keadaan ini mengakibatkan para graduan lulusan pendidikan tinggi sukar mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan semasa yang sememangnya semakin mencabar dan banyak persaingan.



Zainuddin, Mohd Anuar, Mohd Najib dan Kamariah (2005), turut mencadangkan lapan kemahiran generik yang perlu ada dalam diri seorang pekerja untuk bersaing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi). Antara kemahiran tersebut adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran berfikir kreatif, kemahiran menyelesai masalah dan kemahiran berfikiran kritikal, kemahiran mengawal maklumat, kemahiran aplikasi teknologi, kemahiran belajar autonomi dan kemahiran memahami pertembungan budaya.

Berdasarkan kepada permintaan sektor pekerjaan yang kian mencabar maka kemahiran generik amatlah perlu diberi penekanan terutamanya di kolej-kolej matrikulasi (Berita Harian, 2016). Di peringkat pra-universiti, kemahiran generik telah dibina dan dikuasai oleh pelajar semasa di sekolah dan seterusnya dipertingkatkan lagi ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Situasi ini secara jelas memperlihatkan bahawa peringkat pra-universiti menawarkan kesinambungan bagi perkembangan kemahiran generik dalam kalangan pelajar.

Kemahiran generik amat perlu dikuasai oleh pelajar pada masa kini agar mereka berjaya dalam kehidupan ketika menghadapi era kemajuan yang pesat dan persaingan global yang sengit pada ketika ini. Selain daripada ilmu pengetahuan dalam bidang akademik, kemahiran generik perlu dikuasai oleh pelajar berikut daripada kehendak masyarakat dan pasaran kerja semasa menuntut kepada pelbagai kemahiran generik. Pengguasaan pelbagai kemahiran generik perlu dipertingkatkan lagi di setiap peringkat



termasuklah dalam kalangan pelajar-pelajar kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya dalam mata pelajaran kokurikulum.

1.2 Latar Belakang Kajian

Inisiatif kerajaan bagi mempertingkat kemahiran generik dalam bidang pendidikan serta pelajar telah lama dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat menerusi pelbagai inisiatif seperti falsafah, dasar dan program yang telah dilaksanakan melalui pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga kini. Penerapan kemahiran generik kepada para pelajar dan bakal graduan penting bertujuan untuk menghasilkan modal insan seimbang yang berkualiti, selaras dengan matlamat negara yang ingin meningkatkan daya saing siswazah bagi menyediakan mereka memasuki pasaran pekerjaan (Unit Perancangan Ekonomi, 2010).

Agenda utama sesuatu sistem pendidikan ialah untuk membawa perubahan dan transformasi diri seseorang individu dari satu peringkat kepada peringkat yang lebih baik. Dengan itu, pada tahun 1988, satu Falsafah Pendidikan Negara telah digubal dan telah pun disemak pada tahun 1996 di mana ia dinamakan sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) menyatakan bahawa:-



“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan)

Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menunjukkan bahawa Malaysia bermatlamat untuk menghasilkan seorang modal insan yang mempunyai perwatakan unggul, sahsiah baik, seimbang dan sepada. Elemen-elemen pembangunan insan seperti intelek, rohani, emosi serta jasmani merupakan antara nilai-nilai murni yang harus dipupuk pada setiap individu dan pelajar dalam melahirkan insan yang mempunyai kemahiran generik yang tinggi serta mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara kelak.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2012, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menggubal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, melalui PPPM 2013-2025, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan dasar di mana ingin menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, mahir dan mampu menghayati nilai-nilai murni. Ini sebagai pendorong untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang seimbang secara holistik.



Modal insan yang mempunyai kemahiran generik tinggi merupakan antara faktor penting membantu negara memacu ke arah mencapai pelan-pelan perancangan di peringkat nasional dan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dengan itu, kerajaan Malaysia turut mengambil inisiatif dengan memuatkan elemen pembangunan modal insan dan kemahiran generik dalam setiap pelan perancangan pembangunan Malaysia antaranya Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Dapat dilihat bahawa melalui Pelan RMK11 (2011), kerajaan telah membangunkan kemahiran generik merangkumi beberapa pengetahuan dan kemahiran selain memiliki sikap, nilai dan etika positif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Program Matrikulasi KPM telah menghasilkan sekurang-kurangnya 20 ribu orang pelajar untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada setiap tahun (Adibah, 2012). Dengan itu, dalam Sukatan Mata Pelajaran Kokurikulum Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM), kemahiran generik merupakan salah satu komponen yang turut diserap masuk selain daripada penguasaan ilmu kognitif, kokurikulum dan nilai-nilai murni. Kolej-kolej Matrikulasi ini turut mengariskan enam elemen kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, semangat kesukarelawanan dan patriotisme (BMKPM, 2014).



Seri Bunian et al., (2014), menyatakan kemahiran generik sebagai aset penting seseorang pelajar dan seharusnya dipandang serius oleh semua pihak yang ingin melahirkan bakal graduan yang berkeyakinan, mampu berkomunikasi dengan baik, berdaya saing dan pemikiran kritis serta mampu memberikan sumbangan di setiap peringkat. Penilaian tahap kemahiran generik dalam kalangan pelajar di kolej-kolej atau pusat pengajian kini penting sebagai suatu persediaan kepada pelajar untuk menempuh alam pekerjaan yang lebih menuntut kepada kepelbagaian kemahiran dalam diri bakal graduan.

1.3 Pernyataan Masalah



Setiap tahun dikatakan bahawa program matrikulasi berjaya mengeluarkan lebih daripada 20 ribu orang pelajar untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan juga IPTS termasuk dalam dan luar negara. Bahagian Matrikulasi KPM mempunyai misi yang jelas iaitu membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan pra-universiti yang berkualiti untuk melahirkan modal insan yang cemerlang (Bahagian Matrikulasi, 2016). Dalam mencapai kecemerlangan akademik, penerapan kemahiran generik turut menjadi agenda utama bagi membentuk insan yang seimbang di samping nilai-nilai murni dan positif.

Tahap pencapaian akademik bagi para pelajar keluaran program matrikulasi secara rasmi dicatatkan dalam slip Peperiksaan Program Matrikulasi Semester II (PSPM II) dan turut mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi





pendidikan luar negara. Walau bagaimanapun sehingga kini tahap pencapaian tidak dipaparkan pada slip peperiksaan mereka. Paparan keputusan ini penting untuk dipaparkan sebagai rujukan bagi mana-mana pihak yang terlibat seperti pelajar itu sendiri yang dapat menilai sejauhmana tahap pencapaian mereka dalam komponan ini. Manakala bagi pihak majikan juga dapat menilai tentang pencapaian bakal pekerja janya berkaitan pencapaian kemahiran generik staff mereka. Jika ianya tidak dipaparkan maka pihak majikan secara asasnya tidak mengetahui secara umum tahap pencapaian pekerja mereka dalam aspek kemahiran generik.

Keadaan ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak kerajaan, pihak swasta dan para ilmuan kerana pengangguran dalam kalangan graduan merupakan satu pembaziran kepada modal insan yang sememangnya amat diperlukan oleh negara untuk mencapai Wawasan 2020. Antara sebab utama wujudnya keadaan ini adalah kualiti graduan yang rendah dari aspek kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, keyakinan diri, kemahiran menyelesaikan masalah dan kepimpinan (Hasliza, 2002; Tengku Mahaleel, 2002). Pihak majikan pada masa kini tidak hanya memandang pekerja berdasarkan nilai akademik yang tinggi tetapi graduan juga perlu memiliki tahap kemahiran generik yang terbaik untuk melayakkan mereka mendapat pekerjaan (ACNielsen Research Services, 2000; Coopers & Lybrand, 1998; Sausman & Seel, 1997). Di samping itu, Menteri Pendidikan Tinggi turut mengakui bahawa, pengangguran dalam kalangan graduan akan dapat dikurangkan sekiranya mampu berkomunikasi dengan baik, berketerampilan, dapat berfikir secara objektif dan boleh bekerja secara pasukan (Utusan Malaysia, 2007). Oleh itu satu kajian susulan perlu dilakukan bagi melihat tahap penguasaan penilaian





kemahiran generik yang sedia ada di kolej-kolej matrikulasi terutamanya dalam mata pelajaran kokurikulum bagi memastikan ia dilaksanakan dan dapat menjadi bekal kepada pelajar apabila tamat belajar bagi meneruskan kehidupan di alam pekerjaan nanti.

1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang wujud, beberapa objektif dalam kajian ini telah ditetapkan. Fokus utama kajian adalah berkaitan dengan penilaian kemahiran generik dalam kalangan pelajar di Kolej Matrikulasi di Zon Utara. Dengan itu, terdapat empat objektif yang telah ditetapkan iaitu:-



- i. Melihat tahap persetujuan penilaian kemahiran generik antara pensyarah dan pelajar.
- ii. Mengklasifikasi elemen penguasaan kemahiran generik yang paling signifikan diterapkan dalam kokurikulum berdasarkan hierarki instrumen kemahiran generik yang telah diterima oleh pelajar.
- iii. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi yang telah mengikuti mata pelajaran kokurikulum.
- iv. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran generik berdasarkan aliran dan jantina dalam kalangan pelajar matrikulasi.





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian yang timbul daripada hasil kajian literatur yang dijalankan oleh pengkaji di peringkat awal kajian, terdapat beberapa persoalan yang telah dikenalpasti dan sesuai untuk dibincangkan melalui kajian ini antaranya:-

- i. Apakah tahap persetujuan penilaian kemahiran generik antara pensyarah dan pelajar?
 - i.i. Sejauh manakah tahap persetujuan penilaian kemahiran generik antara pensyarah dan pelajar?
- ii. Apakah aras pencapaian terhadap komponen kemahiran generik dalam mata pelajaran kokurikulum?
 - ii.i. Sejauh manakah aras pencapaian terhadap komponen kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran spanjang hayat dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika dan moral profesional, pengurusan dan sosial dalam mata pelajaran kokurikulum?
- iii. Apakah tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar matrikulasi setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum?
 - iii.i. Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar matrikulasi setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum?



- iv. Adakah terdapat hubungan antara komponen kemahiran generik berdasarkan aliran pengajian dan jantina dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian


Kerangka konseptual kajian merupakan aspek yang sangat penting bagi menggambarkan keseluruhan sesuatu kajian yang dijalankan. Menurut Othman (2013), menyatakan bahawa kerangka konseptual merupakan garis panduan yang menghubungkan semua boleh ubah yang terlibat dalam kajian dan ianya digunakan sebagai penjelasan kepada atas teori kajian. Manakala menurut Sabitha (2006), pula bahawa kerangka konseptual kajian adalah kerangka yang mengandungi perkaitan antara pembolehubah yang akan dikaji dalam sesuatu penyelidikan.

Bahagian Matrikulasi KPM telah menggariskan enam elemen kemahiran generik yang perlu dikuasai oleh para pelajar Matrikulasi melalui mata pelajaran Kokurikulum. Komponen kemahiran generik tersebut antaranya ialah kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, semangat kesukarelawanan dan patriotisme (BMKPM, 2014). Signifikan pengkaji menggunakan garis panduan Bahagian Matrikulasi KPM adalah kerana ianya merupakan atas penilaian kepada komponen kemahiran generik yang diperlukan pelajar Matrikulasi.



Selain itu, melalui kajian ini juga pengkaji juga turut mengambilkira dan membuat perbandingan komponen kemahiran generik KPM dengan komponen yang disarankan oleh Nur A'shiqin melalui kajian beliau bertajuk "Instrumen Kemahiran Generik Pelajar Pra-Universiti Berdasarkan Penilaian oleh Pensyarah" (IKGPP) yang telah dilaksanakan pada tahun 2011. Dengan itu, satu kerangka komponen kemahiran generik yang terdiri daripada sembilan komponen telah dibentuk bagi menjalankan kajian ini iaitu komponen kemahiran komunikasi, kepemimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, keusahawanan, etika dan moral profesional, pengurusan dan sosial. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian manakala Jadual 1.1 menunjukkan pembolehubah kajian.





Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian



Jadual 1.1

Pembolehubah kajian

Pembolehubah tidak bersandar (IV)	Pembolehubah bersandar (DV)
Komponen kemahiran generik	
Kolej Matrikulasi	Komunikasi
Kolej Matrikulasi Perak	Kepemimpinan
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang	Kerja berpasukan
Kolej Matrikulasi Kedah	Pemikiran kritis dan penyelesaian
Kolej Matrikulasi Perlis	masalah
Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat	
Keusahawanan	
Etika dan moral profesional	
Pengurusan	
Sosial.	

1.7 Kepentingan Kajian

Kemahiran generik amat penting bagi membolehkan para pelajar ataupun graduan berfungsi dalam dunia yang bakal mereka tempuh apabila tamat belajar nanti. Kajian yang dilakukan ini akan dapat memberi faedah kepada beberapa pihak yang terlibat dalam dunia pendidikan, terutamanya bagi pihak matrikulasi itu sendiri khususnya dalam mata pelajaran kokurikulum. Mata pelajaran kokurikulum diperkenalkan di kolej matrikulasi adalah bertujuan untuk membantu kecergasan, keseronokan dan pengetahuan pelajar melalui pemupukan nilai serta amalan kecergasan (Bahagian Matrikulasi, 2015). Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu dan memberi sumbangan ke arah memartabatkan mata pelajaran kokurikulum di kolej matrikulasi. Antara pihak yang

boleh mendapat faedah daripada kajian ini adalah:-

1.7.1 Kolej Matrikulasi yang Terlibat

Pihak pertama yang akan mendapat faedah daripada kajian ini adalah pihak pengurusan kolej-kolej matrikulasi yang terlibat iaitu Jabatan Pengurusan Pelajar di Kolej-kolej Matrikulasi Zon Utara. Hasil daripada kajian ini mereka dapat mengetahui sejauh manakah penguasaan kemahiran generik yang telah dikuasai oleh pelajar mereka melalui penilaian yang dibuat oleh para pensyarah yang terlibat. Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar akan membuat perancangan dan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi kemahiran generik yang sedia ada.

1.7.2 Pelajar Matrikulasi

Kajian ini akan dapat memberi faedah kepada pelajar dan mereka akan dapat menilai keberkesanan kemahiran generik yang diajar kepada mereka dalam mata pelajaran kokurikulum melalui aktiviti yang diberikan oleh para pensyarah mereka dalam mata pelajaran kokurikulum.

1.7.3 Pensyarah Kokurikulum

Selain daripada itu juga hasil daripada kajian ini juga akan dapat dijadikan sebagai panduan kepada pensyarah-pensyarah matrikulasi dalam melaksanakan penilaian khususnya dalam mata pelajaran kokurikulum malah boleh dijadikan panduan bagi mata pelajaran yang lain juga. Mereka akan dapat mengesan elemen-elemen yang masih kurang dikuasai oleh para pelajar dan dibincangkan bersama pihak pengurusan bagi membuat perancangan yang sesuai berdasarkan item-item yang dikaji dalam kemahiran generik di kolej matrikulasi dan pada masa yang sama pensyarah dapat membantu menjadikan pelajar lebih berdaya saing selain kecemerlangan dalam bidang akademik.

1.7.4 Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM)

Hasil daripada kajian ini juga dapat membantu Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) dalam merancang dan membangunkan nilai-nilai



kemahiran generik yang sedia ada di kolej matrikulasi dan proses penilaian berterusan ini akan berkekalan yang mana ianya akan menjadi penilaian yang setara di kolej-kolej matrikulasi.

Hasil daripada kajian ini akan dapat dijadikan panduan bagi pihak yang disebutkan kerana kajian ini merupakan kajian pertama dilaksanakan bagi melihat keberkesanan penilaian kemahiran generik di kolej matrikulasi. Hasil kajian juga merupakan penanda aras bagi pihak tersebut untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan kemahiran generik dapat dikuasai oleh pelajar berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh pensyarah di kolej-kolej matrikulasi yang dikaji.



Kajian ini mempunyai batasan yang tertentu iaitu ianya hanya terbatas kepada Kolej Matrikulasi Negeri di dalam kawasan Zon Utara sahaja iaitu Kolej Matrikulasi Pulau Pinang (KMPP), Kolej Matrikulasi Perlis (KMP), Kolej Matrikulasi Kedah (KMK) dan Kolej Matrikulasi Perak (KMPk), Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipilih secara rawak mudah. Responden terdiri daripada pensyarah kokurikulum yang mengajar di kolej-kolej tersebut dan pelajar yang mengambil mata pelajaran kokurikulum bagi sesi 2017/2018. Pengkaji akan memfokuskan kepada sembilan elemen kemahiran generik yang telah dibina iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kepemimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat,





kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran pengurusan, kemahiran sosial, kemahiran etika dan moral profesional, dan kemahiran keusahawanan.

Selain itu, terdapat juga batasan-batasan lain yang turut dikenalpasti oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini antaranya:-

- i. Jarak lokasi kajian. Pada masa kini terdapat 17 buah Kolej Matrikulasi yang berada di seluruh Malaysia iaitu 12 buah kolej matrikulasi negeri, tiga buah kolej matrikulasi teknikal dan dua buah kolej matrikulasi MARA, kebanyakannya terletak di luar bandar dan jarak antara kolej matrikulasi saling jauh antara satu sama lain. Maka penyelidik hanya memilih kolej matrikulasi negeri di Zon Utara sahaja.
- ii. Kajian ini mempunyai masa yang terhad iaitu empat bulan untuk mengumpulkan data dan ianya mengehadkan kajian ini dibuat dengan lebih menyeluruh.
- iii. Sumber kewangan juga terbatas untuk dijalankan kajian secara menyeluruh kerana berkait rapat dengan jarak antara kolej matrikulasi agak jauh.
- iv. Sikap atau nilai kejujuran responden juga di luar kawalan pengkaji dalam menjawab soal selidik yang dibentuk. Walau bagaimanapun, pengkaji akan memberi taklimat ringkas tentang tujuan kajian ini dijalankan dan maklumat responden akan dirahsiakan dan juga tiada jawapan yang betul dan salah.



1.9 Definisi Operasional

Menurut Sabitha (2006), definisi operasional bermaksud penjelasan tentang kepentingan konsep pengoperasian bagi menunjukkan sejauh manakah konsep tersebut digunakan dalam setiap penyelidikan. Bagi mencapai maksud tersebut, berikut merupakan definisi operasional dalam kajian ini.

1.9.1 Pelajar Matrikulasi

Pelajar matrikulasi membawa maksud warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 20 tahun dan merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar yang sedang belajar di kolej-kolej matrikulasi dan mengambil mata pelajaran kokurikulum pada semester yang dikaji iaitu pada semester satu bagi sesi 2017/2018. Pelajar matrikulasi terbahagi kepada dua program iaitu Program Satu Tahun (PST) dan Program Dua Tahun (PDT). Tempoh pengajian adalah setahun bagi PST dan dua tahun bagi PDT.

1.9.2 Pensyarah

Pensyarah yang dikaji di sini membawa maksud pensyarah kokurikulum yang mengajar mata pelajaran kokurikulum di kolej-kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia

yang mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM).

1.9.3 Kemenjadian Pelajar

Menurut Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam ucapannya ketika Siri Dialog TN50 bersama Guru Muda 1Malaysia menyatakan bahawa kemenjadian pelajar membawa maksud seseorang pelajar mempunyai kemahiran yang menyeluruh dalam sistem pendidikan dan dapat mewujudkan generasi masa depan yang berkemahiran tinggi. Setiap pelajar perlu ada kemahiran kepimpinan dan kemahiran berfikir untuk bersaing di peringkat global (Berita Harian, 2017).

Melalui kajian ini kemenjadian pelajar membawa maksud setiap pelajar dapat menguasai pelbagai kemahiran yang dipelajari di kolej matrikulasi hasil daripada data yang diperolehi melalui penguasaan kemahiran generik iaitu melalui Penilaian Berterusan (PB). Penilaian Berterusan diperkenalkan dalam program matrikulasi adalah sebagai panduan dan membantu pensyarah untuk menilai pencapaian prestasi pelajar dari awal hingga akhir semester agar kelemahan yang dikesan dapat diperbaiki. Markah PB dikira pada setiap hujung semester dan peratus wajaran PB ini akan diambil kira bagi menentukan gred pencapaian setiap pelajar matrikulasi (Bahagian Matrikulasi, 2013).

1.9.4 Penilaian

Penilaian dalam kajian ini merujuk kepada penilaian kemahiran generik yang dinilai bagi pensyarah kurikulum dan pelajar-pelajar kolej matrikulasi Zon Utara bagi Sesi 2017/2018 yang mengambil mata pelajaran kurikulum sahaja.

1.9.5 Kemahiran Generik

Kemahiran generik mengikut takrifan yang digunakan dalam kajian ini adalah kemahiran yang boleh dipindahkan kerana ianya digunakan secara merentas disiplin dan dalam situasi kerja yang berlainan. Ianya merupakan kemahiran bukan teknikal yang sangat penting dalam pembangunan diri dan sifat-sifat pelajar serta berguna untuk melahirkan insan yang mempunyai ketramplinan diri dan berdaya saing dalam meneruskan pembelajaran, kehidupan dan dalam menempuh alam pekerjaan (Nur A'shikin, 2011).

Elemen kemahiran generik dalam kajian ini adalah terdiri daripada kemahiran komunikasi, kemahiran kepemimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran pengurusan, kemahiran sosial, kemahiran etika dan moral profesional, dan kemahiran keusahawanan.

1.9.6 Mata Pelajaran Kokurikulum

Mata pelajaran Kokurikulum di Kolej Matrikulasi KPM seperti yang ditetapkan oleh BMKPM mempunyai tiga komponen iaitu:

- I. Sukan dan Permainan
- II. Kelab dan Persatuan
- III. Unit Beruniform

Pensyarah kokurikulum membawa maksud pensyarah yang mengajar bagi mata pelajaran kokurikulum yang mengajar di kolej matrikulasi KPM yang mana kod bagi mata pelajaran kokurikulum Sukan dan Permainan kodnya ialah KS011 bagi Program Satu Tahun (PST) dan KS021 bagi Program Dua Tahun (PDT). Kod bagi Kelab dan Persatuan ialah KP011 (PST) dan KP021 (PDT). Manakala bagi Unit Beruniform ialah KK011 (PST) dan KK021 (PDT). Pada masa ini, Kolej Matrikulasi KPM menawarkan pelbagai jenis kegiatan pasukan unit beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. Setiap pelajar diwajibkan menyertai sekurang-kurangnya satu daripada setiap jenis aktiviti tersebut (Bahagian Matrikulasi, 2016). Rancangan Pengajaran Semester Program Matrikulasi merangkumi kesemua elemen yang dinilai dalam kemahiran generik. (Lampiran F).

1.9.7 Penilaian Pensyarah

Pendapat yang dilahirkan oleh pensyarah menerusi pemerhatian yang objektif dan rasional berdasarkan pengalaman akademik dan profesional yang meluas bersama-sama pelajar bersandarkan kelayakan akademik dan kepakaran (ilmu) yang ada pada pensyarah.

1.10 Rumusan

Secara rumusannya, bab ini telah menjelaskan secara perperinci mengenai pengenalan, latar belakang kajian seterusnya kepada tujuan kajian ini dibuat. Matlamat kajian ini dibuat kerana didapati tiada lagi kajian dibuat bagi melihat tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi dalam mata pelajaran kokurikulum. Oleh itu timbul persoalan bagi pengkaji untuk mengkaji situasi ini. Hasilnya dapatlah dinyatakan bahawa melalui bab ini yangmana ianya bertujuan memberi gambaran awal tentang kajian yang akan dijalankan secara keseluruhannya. Menurut Ahmad Esa dan Md Yunos (2004), menyatakan bahawa penguasaan pelajar dalam aktiviti kurikulum semata-mata tidak dapat memberi input yang maksimum terhadap kemahiran generik kepada pelajar. Oleh itu satu alat pengukuran yang lengkap telah dibina iaitu instrumen berkaitan kemahiran generik dan ianya perlu dikaji dan dilihat sejauhmanakah keberkesanannya dilaksanakan di kolej-kolej matrikulasi yang dikaji berdasarkan penyataan masalah serta objektif kajian melalui perbincangan tentang batasan kajian yang akan dilaksanakan.